



**KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
BAHAGIAN INDUSTRI MAKANAN DAN ASAS TANI (IMAT)**

**GARIS PANDUAN
PERMOHONAN PERUNTUKAN PROGRAM PEMBANGUNAN
PUSAT PEMROSESAN, PEMBUNGKUSAN DAN PEMASARAN
USAHAWAN INDUSTRI MAKANAN DAN ASAS TANI**

1.0 TUJUAN

Garis Panduan ini bertujuan untuk menerangkan kaedah pelaksanaan permohonan peruntukan bagi Program Pembangunan Pusat Pemprosesan, Pembungkusan dan Pemasaran Usahawan Industri Makanan dan Asas Tani (IMAT), Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) sebagai panduan kepada agensi pelaksana di bawah MAFI.

2.0 LATAR BELAKANG

2.1 Premis serta infrastruktur yang sesuai dan membangun diperlukan bagi mewujudkan persekitaran yang membolehkan serta menyokong pertumbuhan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) dan usahawan. Program Pembangunan Pusat Pemprosesan, Pembungkusan dan Pemasaran Usahawan IMAT ini bertujuan untuk mengalakkan keusahawanan dengan menyediakan akses kepada premis perniagaan, kemudahan dan infrastruktur lain berkaitan PKS.

- 2.2 Pusat Pemrosesan dan Pembungkusan adalah premis yang dimiliki oleh Jabatan/ Agensi di bawah MAFI yang dilengkapi dengan kemudahan pemrosesan makanan, peralatan, pembungkusan dan pelabelan yang boleh digunakan oleh usahawan PKS untuk mengeluarkan produk. Perkhidmatan yang ditawarkan oleh pusat tersebut adalah secara sewaan dengan had masa tertentu. Pusat Pemrosesan dan Pembungkusan ini juga turut digunakan sebagai inkubator latihan kepada usahawan bimbingan setempat dengan penawaran latihan jangka pendek secara *hands-on*.
- 2.3 Pusat Pemasaran Produk juga merupakan premis yang dimiliki oleh Jabatan/ Agensi di bawah MAFI yang berperanan sebagai pusat jualan produk-produk usahawan IMAT. Pusat Pemasaran ini sama ada berada di dalam kawasan Pusat Pemrosesan atau di premis sendiri seperti Agrobazaar, Kedai Rakyat dan lain-lain.
- 2.4 Di bawah MAFI terdapat Jabatan/ Agensi yang berperanan secara langsung menyediakan pusat pemrosesan yang bersesuaian dari segi lokasi, kos dan lengkap dengan kemudahan asas kepada usahawan IMAT. Antara Jabatan/ Agensi yang terlibat ialah Jabatan Pertanian (DOA), Jabatan Perikanan Malaysia (DOF), Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS), Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI), Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA), Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA), Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM), Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM), Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP), Jabatan Pertanian Sabah, Jabatan Pertanian Sarawak dan Projek Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA).

- 2.5 Program Pembangunan Pusat Pemprosesan, Pembungkusan dan Pemasaran ini dilaksanakan oleh Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) dengan kerjasama Jabatan/ Agensi sebagai Jabatan/ Agensi Pembimbing. Program ini dibiayai melalui peruntukan yang diluluskan oleh Unit Perancang Ekonomi (EPU), Jabatan Perdana Menteri (JPM) di bawah Program Pembangunan Usahawan Pertanian dan Industri Makanan.

3.0 SKOP PROJEK

Program ini menawarkan peruntukan melalui skop berikut:

3.1 Penambahbaikan Pusat Pemprosesan, Pembungkusan dan Pemasaran

Penambahbaikan premis meliputi penambahbaikan ruang melalui pengubahsuaian susun atur dan binaan bangunan (termasuk sistem perparitan dan kumbahan) yang perlu mematuhi kehendak pensijilan tempatan dan antarabangsa seperti pensijilan Halal, Makanan Selamat Tanggungjawab Industri (MeSTI), Amalan Perkilangan Yang Baik (GMP), Analisis Bahaya dan Titik Kawalan Kritikal (HACCP) dan sebagainya. Kos peralatan pejabat tidak layak dibiayai di bawah skop ini. Keterangan skop projek adalah seperti di **Lampiran A**.

Kelonggaran boleh dipertimbangkan kepada Pusat Pemprosesan, Pembungkusan dan Pemasaran yang terkesan akibat bencana tertakluk kepada syor Jawatankuasa Teknikal di peringkat Jabatan/ Agensi dan keputusan Jawatankuasa Pembangunan Pusat Pemprosesan, Pembungkusan dan Pemasaran (J3P).

3.2 **Peningkatan Kapasiti Pengeluaran dan Keupayaan Pembungkusan**

Peningkatan kapasiti pengeluaran meliputi aspek peningkatan keupayaan pengeluaran/ pembungkusan melalui perolehan dan pembaikan mesin dan peralatan pengeluaran, pembungkusan dan pelabelan yang menambahbaik keberkesanan serta kecekapan perusahaan. Pembelian mesin dan peralatan pengeluaran, pembungkusan dan pelabelan yang khusus berkaitan dengan perusahaan dan jenis pengeluaran produk adalah di luar skop IMAT dan hendaklah ditanggung oleh usahawan yang menyewa premis Pusat 3P.

4.0 **KRITERIA PEMOHONAN**

Pemohon adalah dari **Jabatan/ Agensi/ Institusi Kerajaan** hendaklah memastikan:

- 4.1 Pusat pemprosesan, pembungkusan dan pusat pemasaran/ pusat pemprosesan dan pemasaran/ pusat pemasaran adalah di bawah hak milik Kerajaan sama ada Persekutuan atau Negeri;
- 4.2 Pusat pemprosesan akan disewakan kepada usahawan yang menjalankan perniagaan berasaskan IMAT; dan
- 4.3 Permohonan adalah berdasarkan butiran kerja yang ditetapkan dan mengikut kos sebenar.

5.0 TEMPOH KELAYAKAN PERMOHONAN

- 5.1 Permohonan hendaklah dikemukakan kepada Bahagian Industri Makanan dan Asas Tani (IMAT), Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI). Format kertas permohonan program adalah seperti di **Lampiran B**.
- 5.2 Tarikh permohonan kepada MAFI adalah pada tarikh terima permohonan yang lengkap daripada pemohon.

6.0 PROSEDUR PERMOHONAN

- 6.1 Tempoh masa proses permohonan Jabatan/ Agensi adalah dikira bermula dari tarikh dokumen permohonan yang lengkap diterima oleh Bahagian IMAT, MAFI.
- 6.2 Permohonan beserta semua dokumen sokongan hendaklah dikemukakan kepada Bahagian Industri Makanan dan Asas Tani (IMAT), MAFI selaku urus setia.
- 6.3 Lawatan teknikal akan diadakan oleh pegawai dari Bahagian Industri Makanan dan Asas Tani dan Jabatan/ Agensi bagi setiap cadangan projek bagi menilai kebolehlaksanaan projek (sekiranya perlu). Laporan teknikal hendaklah disediakan oleh Jabatan/ Agensi bagi setiap cadangan projek untuk dinilai kebolehlaksanaannya.
- 6.4 Carta Alir Permohonan dan Penyaluran Peruntukan adalah seperti di **Lampiran C**.

7.0 JAWATANKUASA PROGRAM PEMBANGUNAN PUSAT PEMROSESAN, PEMBUNGKUSAN DAN PEMASARAN KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI (MOA)

7.1 Nama Jawatankuasa

Jawatankuasa Pembangunan Pusat Pemprosesan, Pembungkusan dan Pemasaran (J3P) MAFI.

7.2 Keahlian Jawatankuasa

Keahlian Jawatankuasa Pembangunan Pusat Pemprosesan, Pembungkusan dan Pemasaran (J3P) adalah seperti berikut:

1. Pengerusi - TKSU (P)
2. Pengerusi Ganti - SUB (IMAT)
3. Ahli - Wakil Bahagian Kewangan, MAFI
Wakil Bahagian Pembangunan, MAFI
Wakil DOA
Wakil DOF
Wakil DVS
Wakil MARDI
Wakil LPP
Wakil LKIM
Wakil LPNM
Wakil FAMA
Wakil MADA
Wakil KADA
Wakil DOA Sabah
Wakil DOA Sarawak
Wakil IADA

7.3 Syarat-syarat

Syarat-syarat am yang perlu dipatuhi adalah seperti berikut:

7.3.1 Hanya wakil Jabatan/ Agensi yang menghantar permohonan sahaja akan dijemput untuk membuat pembentangan dalam J3P. Format slaid pembentangan adalah seperti di **Lampiran D**.

7.3.2 J3P hendaklah bermesyuarat untuk memilih dan menentukan projek dan jumlah peruntukan yang diluluskan. Pertimbangan secara edaran adalah dibenarkan dengan syarat permohonan telah dibincang dalam Mesyuarat Pra-Pemeriksaan dan laporan teknikal disediakan oleh Jabatan/ Agensi kepada Bahagian IMAT, MAFI.

7.3.3 Perbincangan dan keputusan J3P hendaklah dicatatkan dalam minit dan diedarkan kepada semua ahli mesyuarat.

7.3.4 Sebarang permohonan perubahan skop/ kerja hendaklah dikemukakan kepada Setiausaha Bahagian, Bahagian Industri Makanan dan Asas Tani untuk tindakan selanjutnya.

7.4 Bidang Tugas

Jawatankuasa Pembangunan Pusat Pemprosesan, Pembungkusan dan Pemasaran (J3P) MAFI bertanggungjawab untuk:

7.4.1 Memuktamadkan dan meluluskan peruntukan kepada Jabatan/ Agensi;

7.4.2 Menilai status pelaksanaan bagi peruntukan yang diterima oleh Jabatan/ Agensi; dan

7.4.3 Memantau pelaksanaan projek serta prestasi fizikal dan kewangan projek.

7.5 **Kekerapan Mesyuarat**

7.5.1 Mesyuarat Jawatankuasa Pembangunan Pusat Pemprosesan, Pembungkusan dan Pemasaran (J3P) MAFI perlu diadakan sekurang-kurangnya **dua (2) kali setahun** atau mengikut keperluan semasa berdasarkan permohonan yang diterima.

7.5.2 Mesyuarat diadakan pada ketetapan berikut:

BIL.	BULAN
Mesy. J3P Bil. 1	Suku Tahun Pertama (Januari/ Februari/ Mac) tertakluk kepada perubahan
Mesy. J3P Bil. 2	Suku Tahun Ketiga (Julai/ Ogos/ September) tertakluk kepada perubahan

7.5.3 Mesyuarat J3P akan dipengerusikan oleh TKSU (P), MAFI melainkan jika Pengerusi tidak hadir, maka SUB (IMAT), MAFI akan bertindak sebagai Pengerusi Ganti.

7.6 **Urus Setia Mesyuarat**

Urus setia yang bertanggungjawab terhadap Jawatankuasa Pembangunan Pusat Pemprosesan, Pembungkusan dan

Pemasaran (J3P) MAFI adalah Bahagian Industri Makanan dan Asas Tani (IMAT), MAFI.

8.0 BIDANG TUGAS URUS SETIA

Urusetia Jawatankuasa Pembangunan Pusat Pemprosesan, Pembungkusan dan Pemasaran (J3P) MAFI adalah bertanggungjawab untuk:

- 8.1 Memastikan kertas permohonan peruntukan projek pembangunan yang dikemukakan adalah lengkap.
- 8.2 Mengadakan lawatan teknikal bagi projek yang dicadangkan bersama-sama wakil Jabatan/ Agensi (sekiranya perlu).
- 8.3 Membentangkan permohonan peruntukan kepada Jawatankuasa J3P.
- 8.4 Memohon kelulusan KSU berdasarkan syor Jawatankuasa.
- 8.5 Menyedia dan mengeluarkan surat keputusan J3P kepada Jabatan/ Agensi.
- 8.6 Mengadakan lawatan pemantauan bagi projek yang telah diluluskan bersama-sama Jabatan/ Agensi.

9.0 BIDANG TUGAS JABATAN/ AGENSI

- 9.1 Mengadakan Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal peringkat Jabatan/ Agensi bagi menilai permohonan peruntukan sebelum dikemukakan kepada pihak urusetia MAFI.

- 9.2 Anggaran peruntukan yang dimohon perlu dibuat oleh pegawai teknikal Jabatan dan Agensi mengikut skop dan kadar semasa dan diluluskan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal peringkat Jabatan/ Agensi.
- 9.3 Jabatan/ Agensi bertanggungjawab untuk mendaftar serta mengemaskini aset dan inventori di Pusat Pemrosesan.
- 9.4 Jabatan/ Agensi bertanggungjawab untuk membuat permohonan peruntukan bagi tujuan penyelenggaraan bangunan dan utiliti Pusat Pemrosesan dalam Bajet Tahunan.
- 9.5 Memastikan kemudahan Pusat Pemrosesan tersebut ditawarkan kepada usahawan PKS secara sewaan dengan had masa tertentu beserta perjanjian yang ditandatangani bersama-sama pihak usahawan.

10.0 PEMANTAUAN PROGRAM

- 10.1 Jabatan/ Agensi Pembimbing perlu memantau dan mengemukakan laporan kemajuan projek kepada Bahagian IMAT, MAFI secara berkala iaitu setiap dua (2) bulan mengikut format seperti di **Lampiran E**.
- 10.2 Pelaporan hendaklah dibuat dari semasa ke semasa bagi membantu urus setia menilai impak dan keberkesanan program serta membuat penambahbaikan terhadap kelemahan yang berlaku di dalam pelaksanaannya.

SKOP PROJEK NAIK TARAF/ PENAMBAHBAIKAN INFRASTRUKTUR

Peruntukan ini boleh digunakan untuk penyelenggaraan dan naiktaraf bagi kerja-kerja seperti berikut:

BIL.	PERKARA
1.	Kerja-kerja mengecat bangunan, peralatan dan lain-lain kemudahan;
2.	Penyelenggaraan pagar, pondok kawalan dan pintu keluar masuk kawasan;
3.	Penyelenggaraan lantai, dinding dalam dan luar bangunan;
4.	Penyelenggaraan bumbung, atap, saluran air hujan dan sistem kalis air;
5.	Penyelenggaraan tandas, sistem paip air, sistem kumbahan dan pembedungan;
6.	Membaiki/ pendawaian semula elektrik tidak termasuk kerja-kerja penyaman udara;
7.	Penyelenggaraan longkang dan sistem perparitan dalam kawasan;
8.	Penyelenggaraan tapak, jalan dan tebing dalam kawasan;
9.	Penyelenggaraan akibat bencana alam; dan
10.	Lain-lain skop kerja penyelenggaraan yang mendapat kelulusan Bahagian IMAT, MAFI.

**FORMAT KERTAS PERMOHONAN
PUSAT PEMROSESAN, PEMBUNGKUSAN DAN PEMASARAN
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN**

TAJUK KERTAS PERMOHONAN


1. **TUJUAN**
(Isi kandungan tujuan)
2. **LATAR BELAKANG**
(Isi kandungan latar belakang)
3. **CADANGAN DAN ULASAN**
(Isi kandungan cadangan dan ulasan)
4. **FAEDAH PELAKSANAAN**
(Isi kandungan faedah pelaksanaan)
5. **IMPLIKASI KOS**

Bil.	Komponen Projek/Perkara	Anggaran Kos (RM)
1.	xxxxxxx	xxxxxx
	JUMLAH	xxxxxx

6. **SYOR**
(Isi kandungan syor)
7. **PENUTUP**
(Isi kandungan penutup)

Tandatangan Ketua Pengarah/ Pengarah/ Ketua Unit
(Nama dan Jawatan)
Tarikh:

**CARTA ALIRAN PENYALURAN PERUNTUKAN PROGRAM
PUSAT PEMROSESAN, PEMBUNGKUSAN DAN PEMASARAN
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)**





CONTOH TEMPLATE

**PERMOHONAN PROJEK
PEMBANGUNAN PUSAT
PEMROSESAN, PEMBUNGKUSAN
DAN PEMASARAN (2022)**

(JABATAN / AGENSI)

1

KANDUNGAN

A

RINGKASAN PERMOHONAN KESELURUHAN (2022)
JABATAN / AGENSI

B

KETERANGAN PERMOHONAN (2022)
JABATAN / AGENSI

A**RINGKASAN PERMOHONAN KESELURUHAN (2022)
JABATAN / AGENSI**

BIL.	NAMA PROJEK	DAERAH / KAWASAN	NEGERI	CADANGAN PENSIJILAN	KOS KESELURUHAN (RM)
1	Pusat Pengembangan Teknologi Produk Perikanan	Lenggong	Perak	MeSTI	120,000.00
2	Pusat Pengembangan Perikanan Wilayah Persekutuan Labuan	Labuan	Wilayah Persekutuan Labuan	MeSTI	80,000.00
JUMLAH BESAR					200,000.00

3

B**KETERANGAN PERMOHONAN (2022)
JABATAN / AGENSI**Nama Projek : **Pusat Pengembangan Teknologi Produk Perikanan, Lenggong, Perak**

BIL.	KOMPONEN PROJEK	KUANTITI	HARGA / UNIT (RM)	ANGGARAN KOS (RM)	CATATAN
1					
2					
3					
4					
5					
JUMLAH BESAR					

- GAMBAR PUSAT -

4

C**KETERANGAN USAHAWAN (2022)**
JABATAN / AGENSI

BIL	NAMA PUSAT	NAMA SYARIKAT / USAHAWAN	PRODUK	NILAI JUALAN TAHUNAN (RM)
1				
2				
3				

Lampiran E

LAPORAN KEMAJUAN PROGRAM PEMBANGUNAN PUSAT PEMROSESAN, PEMBUNGKUSAN DAN PEMASARAN USAHAWAN IMAT TAHUN

Bil	Jabatan / Agensi	Nama Pusat	Peruntukan Yang Diluluskan (RM)	Belanja (RM)	Tanggungan (RM)	Baki (RM)	Peratus Belanja (RM)	Catatan / Status Pelaksanaan